

Kenneth Cole Lancarkan Jam Tangan Pintar Fesyen Kenneth Cole Connect™

NEW YORK, 26 Mac 2015 /PRNewswire/ -- Kenneth Cole dan Geneva Watch Group mengumumkan pelancaran Koleksi Jam Tangan Pintar Kenneth Cole Connect™ baharu ketika teknologi boleh dipakai mengambil alih pasaran aksesori. Jam tangan pintar yang ringkas dan bergaya itu akan berada di pasaran pada bulan April.

Alami Hebahan Berita Multimedia interaktif tersebut di sini

"Sebagai seorang pereka, saya sentiasa cuba memberikan apa yang diinginkan pelanggan tetapi dalam cara yang mungkin tidak mereka jangkakan," ujar pereka Kenneth Cole. "Teknologi boleh dipakai merupakan salah satu kategori fesyen paling cepat berkembang pada masa kini dan saya teruja menjadi salah seorang di barisan hadapan dalam menyambut ketibaan platform ini."

Rangkaian jam tangan pintar lelaki dan wanita Kenneth Cole Connect™ telah diperkenalkan pada bulan Mac di Baselworld, pertunjukan dagangan jam tangan dan barangan kemas antarabangsa. Antara yang menarik adalah sebuah pondok foto di mana pengunjung menunjukkan jam tangan Kenneth Cole Connect™ kegemaran mereka dan berkongsi foto dalam masa nyata melalui media sosial. Pengaktifan tersebut menerima 13,127 impresi dalam masa tiga hari.

Kenneth Cole merintis industri jam tangan sebagai salah satu jenama fesyen pertama memasuki pasaran jam tangan pintar, bermula pada \$135. Menampilkan teknologi pintar Bluetooth, Kenneth Cole Connect™ hadir dalam 12 gaya mengandungi kefungsi dipacu aplikasi yang membolehkan pengguna terus terhubung secara senyap melalui maklumat untuk panggilan masuk, teks dan peristiwa kalendar.

Pembeli dapat mengawal muzik di telefon pintar mereka secara jarak jauh selain mengambil *selfie* lebih jauh daripada capaian tangan mereka. Dengan trend "selfie" yang semakin berkembang pesat, Kenneth Cole Connect™ membolehkan pemakai mengawal kamera telefon pintar mereka dan mengambil gambar terus daripada pergelangan tangan mereka.

Ciri-ciri lain termasuk jam randik, maklumat bateri rendah pada telefon, kalis air 3 ATM dan "Don't Leave Me Alert" yang memaklumkan pemakai apabila mereka kehilangan sambungan Bluetooth, jadi mereka tidak akan kehilangan telefon lagi. Tambah membezakannya daripada jam pintar lain, Kenneth Cole Connect™ beroperasi menggunakan bateri jam tangan normal, oleh itu pengecas tidak diperlukan.

Latar Belakang Kenneth Cole Productions, Inc.

Kenneth Cole Productions, Inc. mereka, menyediakan, dan memasarkan beg tangan, pakaian dan aksesori di bawah nama Kenneth Cole Collection, Kenneth Cole New York, Kenneth Cole Reaction, dan Unlisted, selain kasut di bawah jenama Gentle Souls. Syarikat itu juga diberikan lesen pihak ketiga untuk penghasilan pakaian lelaki, wanita dan kanak-kanak selain minyak wangi, jam tangan, barang kemas, cermin mata dan lain-lain kategori aksesori. Produk-produk Syarikat diedarkan melalui melalui gedung membeli belah, gedung khas, gedung runcit milik syarikat, dan laman sesawang e-dagangnya. Maklumat lanjut boleh didapati di KennethCole.com.

Latar Belakang Geneva Watch Group

Diasaskan pada 1974, Geneva Watch Group merupakan pemimpin dunia dalam rekaan, pengeluaran, dan pengedaran jam tangan serta jam dinding digital dan juga analog. Syarikat tersebut menghasilkan jam di bawah lesen untuk jenama fesyen dan gaya hidup seperti Kenneth Cole New York, Kenneth Cole Reaction, Sperry Top-Sider, Tommy Bahama, Ted Baker London, dan Zoo York selain menghasilkan jenama proprietari miliknya sendiri termasuk Freestyle, Game Time dan Breil. Tambahan pula, Geneva

Watch Group mereka bentuk dan menghasilkan jam tangan serta jam dinding di bawah label persendirian untuk kebanyakan peruncit terbesar dunia. Untuk maklumat lanjut, sila lawati GenevaWatchGroup.com

HUBUNGI: Cindy Riccio Communications, Anna Dutkowsky, anna@cricciocomm.com, +1-646-205-3573